

**KEBERKESANAN CERPEN DALAM MEMPERTINGKAT PRESTASI PENULISAN  
KARANGAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID**

*(The Effectiveness Of Literary Text In Enhancing The Performance Of  
Malay Language Writing Among Students)*

ABDUL RASID JAMIAN  
[arasid@educ.upm.edu.my](mailto:arasid@educ.upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

SHAMSUDIN OTHMAN  
[s.shamsudin@putra.upm.edu.my](mailto:s.shamsudin@putra.upm.edu.my)  
Universiti Putra Malaysia

NORZILA MD. YUSOF  
Universiti Putra Malaysia

**ABSTRAK:** Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar diajarkan dan dikuasai oleh seseorang murid. Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah untuk menganalisis keberkesanan penggunaan teks KOMSAS terhadap prestasi penulisan karangan 64 orang murid tingkatan dua berpencapaian sederhana. Kajian berbentuk eksperimental ini dijalankan untuk membandingkan keberkesanan menggunakan teks KOMSAS dengan kaedah pengajaran konvensional dalam pengajaran penulisan karangan. Kedua-dua kumpulan telah diberikan dua ujian, iaitu praujian dan pascaujian untuk membandingkan prestasi penulisan karangan dalam aspek karangan keseluruhan, aspek pengembangan isi karangan dan aspek penggunaan jenis ayat. Dapatan kajian dalam praujian menunjukkan bahawa bagi aspek karangan keseluruhan, skor min murid kumpulan eksperimen ialah 53.87 (SP = 9.40) dan skor min murid kumpulan kawalan ialah 48.65 (SP = 7.40). Ujian-t pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan, iaitu  $t(31) = 2.840$ ,  $p < .05$ . Manakala pada pascaujian pula, skor min murid kumpulan eksperimen mencatatkan 60.2 (SP = 10.44), dan murid kumpulan kawalan mencatatkan skor min 51.28 (SP = 8.53). Hasil analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan antara kumpulan murid ini dalam aspek karangan keseluruhan pada  $t(31) = 4.532$ ,  $p < .05$ . Kesimpulannya, kaedah pengajaran penulisan karangan menggunakan teks KOMSAS terbukti lebih berkesan berbanding kaedah pengajaran konvensional terhadap prestasi penulisan karangan murid. Justeru, diharap hasil kajian ini dapat memberi galakan kepada guru-guru Bahasa Melayu supaya menggunakan teks KOMSAS dengan lebih berkesan untuk membantu murid menjana idea bagi menghasilkan karangan yang baik.

**Kata kunci:** Pengajaran penulisan, prestasi penulisan karangan, teks KOMSAS, murid sekolah menengah, guru sekolah menengah

**ABSTRACT:** *Writing skill is the most difficult skill to be taught and mastered by a student. Hence, this research aimed to analyse the effectiveness of the usage of literary texts on the essay writing performance of 64 Form Two average achiever students. This experimental research was conducted to compare the effectiveness of using literary text and the conventional method in the teaching of composition writing. Both groups were given two tests, namely pre-test and post-test to compare the performance of the overall composition, elaboration of points and sentences type usage. The research findings of the pre-test showed that for the overall composition, the mean score for the experimental group was 53.87 (SD = 9.40) and the mean score for the control group was 48.65 (SD = 7.40). The t-test showed there was a significant mean score difference, with  $t(31) = 2.840$ ,  $p < .05$ . As for the post-test, the mean score for the experimental group showed 60.2 (SD = 10.44), and the control group showed 51.28 (SD = 8.53). The analysis of the t-test showed that there was a significant mean score difference between the students in overall composition with  $t(31) = 4.532$ ,  $p < .05$ . As a conclusion, the teaching of composition writing using the literature text is proven to be more effective than the conventional method. Therefore, it is hoped the findings of this research could encourage the Malay language teachers to use the literature text more effectively to help students to generate ideas to produce better composition.*

**Keywords:** *Teaching of composition, writing composition performance, literature text, secondary school students, secondary school teachers*

## PENGENALAN

Pakar bahasa dan ahli pendidik mengakui bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar diajarkan dan dikuasai oleh seseorang murid (Mahzan 2008). Dalam aspek pengajaran, kemahiran menulis perlu diberi penekanan yang sewajarnya di sekolah untuk melahirkan murid-murid yang berkemampuan dalam menyampaikan fikiran dan dapat berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat. Kelemahan pencapaian murid di sekolah rendah dan menengah dalam kemahiran penulisan karangan banyak dilaporkan dalam dapatan para pengkaji bahasa dan keputusan peperiksaan awam di negara ini (Awang 2001). Kelemahan kebanyakan calon dalam aspek penulisan ini berpunca daripada sebab-sebab seperti mereka tidak dapat mentakrif tajuk karangan dengan tepat, isi yang tidak berkembang dengan baik, menggunakan ayat yang tidak gramatis, pengolahan tidak menarik serta menulis karangan tanpa merangkanya terlebih dahulu. Selain itu, calon juga lemah dalam penyampaian idea dan ayat-ayat tidak mempunyai pertautan antara satu sama lain. Keadaan ini menyebabkan isi karangan mereka menjadi kabur dan sukar difahami. Kelemahan-kelemahan ini jelas menggambarkan penguasaan sistem tatabahasa Bahasa Melayu dalam kalangan murid di peringkat rendah dan menengah masih tidak memuaskan dan penulisan merupakan proses yang sangat kompleks (Roselan 2003)

Menurut Abdul Jalil (2001), kelemahan dalam penulisan murid khususnya pada peringkat menengah rendah menyebabkan mereka tidak berupaya menghasilkan

karangan yang berkesan, dan tidak menarik untuk dibaca. Kelemahan ini termasuklah penyusunan idea melalui pertautan kata dan maklumat yang longgar. Ini akan memberi kesan terhadap pencapaian penulisan karangan mereka semasa menghadapi peperiksaan.

Sehubungan itu, kaedah pengajaran yang menyeronokkan dan dapat mengeksploitasi bahan-bahan tertentu yang boleh menggerakkan minda murid kepada tajuk karangan yang akan ditulis, amat perlu untuk mengatasi kelemahan mereka dalam penulisan karangan. Dalam hal ini, penggunaan teks KOMSAS (genre cerpen) boleh berperanan sebagai pencetus penjana idea dalam kalangan murid, khususnya yang berkaitan dengan karangan jenis cereka. Hal ini kerana penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa ibarat lagu dan irama yang tidak boleh dipisahkan kerana kedua-duanya saling berkaitan (Rozaiman 2007). Marohaini (2001) pula, berpendapat penggunaan bahan sastera mampu membekalkan murid bahan yang mudah difahami, menarik dan asli untuk tujuan bahasa. Manakala menurut Nik Safiah (2002) bahan sastera amat berguna dalam pengajaran bahasa sama ada dalam konteks masyarakat penuturnya mahu pun sistem bahasa itu sendiri. Ini termasuklah dapat membantu meningkatkan kesedaran dan penghayatan murid akan nilai-nilai moral etika (Awang 2003). Selanjutnya Abdul Rasid dan Arba'ie (2001) menyatakan bahawa penggunaan bahan sastera mempunyai banyak kelebihan seperti memberikan keseronokan kepada pelajar kerana karya sastera itu mengandungi pelbagai keindahan serta huraian tentang hal-hal yang aneh dan ajaib yang diselaraskan mengikut peringkat umur pelajar

Penerapan nilai-nilai murni dan kemanusiaan yang ada dalam karya sastera akan membantu pemikiran yang kreatif dan pengolahan ayat yang lebih signifikan dengan budaya atau persekitaran masyarakat mereka. Ini akan menjurus ke arah penggunaan laras dan gaya bahasa yang indah dalam penulisan karangan murid-murid. Justeru itu, disarankan bahawa para guru perlu mengambil perhatian tentang aspek-aspek isi dan estetika yang ada di dalam teks sastera dalam usaha untuk mempertingkatkan mutu penulisan karangan murid-murid.

Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan akan dapat membantu pengkaji dan guru-guru Bahasa Melayu memilih kaedah atau bahan pengajaran yang sesuai untuk mengatasi masalah kelemahan murid dalam penulisan karangan yang berkesan. Di samping itu dapat memupuk minat murid terhadap sastera dan mengasah bakat mereka untuk menghasilkan penulisan karya kreatif seperti cerpen dan novel pada masa akan datang.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melihat keberkesanan pengajaran karangan yang menggunakan teks cerpen terhadap prestasi penulisan karangan dalam kalangan murid tingkatan dua. Manakala objektif khusus kajian ini pula adalah untuk:

1. Mengukur prestasi penulisan karangan keseluruhan antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.

2. Mengukur prestasi pengembangan isi karangan antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.
3. Mengukur penggunaan pelbagai jenis ayat murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.

### **HIPOTESIS KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis-hipotesis alternatif. Terdapat sebanyak enam hipotesis alternatif seperti berikut:

- HA1 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan keseluruhan praujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.
- HA2 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan keseluruhan pascaujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.
- HA3 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pengembangan isi karangan praujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.
- HA4 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pengembangan isi karangan pascaujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.
- HA5 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min penggunaan jenis ayat praujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.
- HA6 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min penggunaan jenis ayat pascaujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.

### **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini adalah kuasi eksperimental. Pemilihan kaedah eksperimental ini dibuat kerana sangat unik dan boleh menghasilkan hubungan sebab dan akibat. Noraini (2010) menyatakan bahawa penyelidikan eksperimen adalah paling berstruktur kerana kawalan dan prosedur boleh dikawal. Reka bentuk eksperimen sebenar yang dipilih ialah reka bentuk kumpulan praujian dan pascaujian. Manakala menurut Mohd Majid (2005), reka bentuk kajian ini sesuai digunakan bagi mengkaji perubahan disebabkan oleh olahan pemboleh ubah tidak bersandar. Reka bentuk ini menggunakan dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen yang diberi olahan dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen akan diberi modul pengajaran penulisan karangan menggunakan teks cerpen, manakala kumpulan kawalan diajarkan dengan teknik pengajaran konvensional tanpa penggunaan bahan teks cerpen. Kedua-dua kumpulan akan diberi dua ujian, iaitu praujian sebelum sesi eksperimental dijalankan dan pascaujian selepas menjalani proses pengajaran penulisan sebanyak tiga sesi. Eksperimen ini dijalankan untuk menentukan keberkesanan penggunaan teks cerpen dalam mempertingkatkan prestasi penulisan karangan murid-murid.

Kajian ini dijalankan terhadap murid-murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Gemencheh, Negeri Sembilan. Responden terdiri daripada murid lelaki dan perempuan pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Mereka terdiri daripada 64 orang murid berpencapaian sederhana, iaitu yang mendapat gred C (markah antara 50 – 64 peratus) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini untuk memastikan bahawa teks cerpen benar-benar memberi impak dalam peningkatan penulisan mereka untuk menghadapi peperiksaan menengah rendah (PMR). Pemilihan dalam kumpulan sampel dilakukan oleh pengkaji secara rawak mudah. Responden tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu 32 orang dalam kumpulan eksperimen dan 32 orang lagi dalam kumpulan kawalan. Menurut Mohd Majid Konting (2005), bahawa penggunaan saiz sampel digalakkan melebihi 30 unit, dengan andaian taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit.

Dalam usaha memperoleh data penilaian pencapaian penulisan karangan maka pengkaji telah membina instrumen kajian untuk digunakan iaitu soalan praujian dan pascaujian serta soalan latihan karangan. Tajuk ujian yang dipilih ini bersesuaian dengan tahap, minat dan kemampuan murid. Tajuk-tajuk karangan yang akan digunakan bagi tiga sesi pengajaran adalah sama bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Justeru, data yang diperoleh dalam praujian dan pascaujian akan dianalisis dengan statistik deskriptif dan statistik inferensi menggunakan aturcara *SPSS versi 14*. Statistik deskriptif akan digunakan untuk menghuraikan prestasi sampel dalam penulisan karangan secara keseluruhan, aspek pengembangan isi dan aspek jenis-jenis ayat, iaitu dalam bentuk peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala analisis statistik inferensi yang akan digunakan bagi menguji hipotesis ialah ujian-t dua min sampel bebas (pada aras 0.05).

## DAPATAN KAJIAN

- HA1 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan keseluruhan praujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.**
- HA2 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi penulisan karangan keseluruhan pascaujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.**

Berdasarkan prestasi markah karangan keseluruhan murid kumpulan eksperimen (KE) dan murid kumpulan kawalan (KK) dalam praujian dan pascaujian menunjukkan bahawa skor mentah yang diperoleh dalam praujian dan pascaujian telah dianalisis dan telah dirumuskan seperti dalam Jadual 1 dan 2. Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan dalam praujian menunjukkan pencapaian yang sama iaitu dalam lingkungan markah 40 hingga 74 peratus sahaja. Namun begitu, dalam pascaujian pula menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam kumpulan eksperimen (kumpulan yang menggunakan teks KOMSAS), iaitu tiga orang murid (9.4%) murid

telah memperoleh gred A. Manakala kumpulan kawalan masih tiada yang memperoleh gred A (rujuk Jadual 2).

**Jadual 1: Taburan markah penulisan karangan keseluruhan KE dan KK dalam praujian**

Markah (%)	Gred	Teks KOMSAS (KE)		Konvensional (KK)	
		N	%	N	%
75-100	A	0	0	0	0
60-74	B	10	31.3	4	12.5
40-59	C	21	65.6	25	78.1
30-39	D	1	3.1	3	9.4
<b>Jumlah</b>		<b>32</b>	<b>100</b>	<b>32</b>	<b>100</b>

**Jadual 2: Taburan markah penulisan karangan keseluruhan KE dan KK dalam pascaujian**

Markah (%)	Gred	Teks KOMSAS (KE)		Konvensional (KK)	
		N	%	N	%
75-100	A	3	9.4	0	0
60-74	B	13	40.6	7	21.9
40-59	C	16	50.0	23	71.9
30-39	D	0	3.1	2	6.3
<b>Jumlah</b>		<b>32</b>	<b>100</b>	<b>32</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 3, didapati skor min prestasi penulisan karangan keseluruhan yang diperoleh oleh murid KE ialah 53.87 (SP = 9.40), manakala murid KK memperoleh skor min 48.65 (SP = 7.40). Hasil analisis ujian-t pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan murid KE dengan murid KK dalam aspek penulisan karangan keseluruhan pada praujian, iaitu  $t(31) = 2.84$ ,  $p < .05$ . Dapatan ini bermakna hipotesis 1, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min prestasi aspek karangan keseluruhan antara murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam praujian adalah benar. Oleh itu, hipotesis ini diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa skor min prestasi aspek karangan keseluruhan murid KE adalah baik sedikit berbanding murid KK dalam praujian sebelum rawatan dijalankan.

**Jadual 3: Perbandingan min prestasi karangan keseluruhan antara KE dengan KK dalam praujian**

Kumpulan	Min	SP	Nilai t	dk	P
KE n = 32	53.87	9.40			
			2.84	31	.008
KK n = 32	48.65	7.40			

\*\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Manakala dapatan kajian skor min prestasi penulisan karangan keseluruhan pascaujian menunjukkan bahawa murid KE adalah 60.21 (SP = 10.44) dan murid KK memperoleh skor min 51.28 (SP = 8.53). Manakala hasil analisis ujian-t pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara murid KE dengan murid KK dalam aspek penulisan karangan keseluruhan pada pascaujian, iaitu  $t(31) = 4.53, p < .05$ . Dapatan ini telah membuktikan bahawa hipotesis 2, iaitu terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap prestasi penulisan karangan keseluruhan antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan dalam praujian adalah benar (rujuk Jadual 4).

**Jadual 4: Perbandingan min prestasi karangan keseluruhan antara KE dengan KK dalam pascaujian**

Kumpulan	Min	SP	Nilai t	dk	P
KE n=32	60.21	10.44			
			4.53	31	.000
KK n = 32	51.28	8.53			

**\*\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$**

**HA3 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pengembangan isi karangan praujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.**

**HA4 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pengembangan isi karangan pascaujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.**

Berdasarkan prestasi markah pengembangan isi karangan murid kumpulan eksperimen (KE) dan murid kumpulan kawalan (KE) dalam praujian dan pascaujian dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan markah dalam aspek pengembangan isi dalam praujian menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan eksperimen yang memperoleh markah 60 hingga 74 peratus ialah 28.1 peratus berbanding kumpulan kawalan (rujuk Jadual 5).

**Jadual 5: Taburan markah penulisan karangan aspek pengembangan isi KE dan KK dalam praujian**

Markah (%)	Gred	Teks KOMSAS (KE)		Konvensional (KK)	
		N	%	N	%
75-100	A	0	0	0	0
60-74	B	9	28.1	4	12.5
40-59	C	22	68.8	25	78.1
30-39	D	1	3.1	3	9.4
<b>Jumlah</b>		<b>32</b>	<b>100</b>	<b>32</b>	<b>100</b>

Manakala dalam pascaujian, murid dalam kumpulan eksperimen menunjukkan peningkatan yang begitu tinggi iaitu meningkat kepada 50 peratus (rujuk Jadual 6).

**Jadual 6: Taburan markah penulisan karangan aspek pengembangan isi karangan KE dan KK dalam pascaujian**

Markah (%)	Gred	Teks KOMSAS (KE)		Konvensional (KK)	
		N	%	N	%
75-100	A	1	3.1	0	0
60-74	B	16	50.0	5	15.6
40-59	C	15	46.9	25	78.1
30-39	D	0	0	2	6.3
<b>Jumlah</b>		<b>32</b>	<b>100</b>	<b>32</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 7, dapatan kajian menunjukkan skor min pengembangan isi karangan yang diperoleh oleh murid KE ialah 50.68 (SP = 9.09), manakala murid KK memperoleh skor min 46.81 (SP = 7.70). Walau bagaimanapun, hasil analisis ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara murid KE dengan murid KK dalam aspek pengembangan isi karangan pada praujian, iaitu  $t(31) = 2.011$ ,  $p > .05$ . Dapatan ini menunjukkan bahawa hipotesis 3 tidak benar dan harus ditolak.

**Jadual 7: Perbandingan skor min prestasi pengembangan isi karangan antara KE dengan KK dalam praujian**

Kumpulan	Min	SP	Nilai t	dk	P
KE	50.68	9.09			
n=32					
			2.011	31	.053
KK	46.81	7.70			
n = 32					

**\*\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$**

**Jadual 8: Perbandingan min prestasi pengembangan isi karangan antara (KE) dengan KK dalam pascaujian**

Kumpulan	Min	SP	Nilai t	dk	P
KE	58.34	10.88			
n=32					
			3.981	31	.000
KK	49.78	8.38			
n = 32					



Manakala berdasarkan dapatan kajian berkaitan skor min prestasi pengembangan isi karangan antara KE dengan KK dalam pascaujian adalah skor min murid KE ialah 58.34 (SP = 10.88), manakala murid KK memperoleh skor min 49.78 (SP = 8.38). Hal ini bermaksud terdapat peningkatan min berbanding pada praujian. Hasil analisis ujian-t pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara murid KE dengan murid KK dalam aspek pengembangan isi karangan pada pascaujian, iaitu  $t(31) = 3.981, p < .05$ . Dapatan ini telah membuktikan bahawa hipotesis 4 adalah benar.

**HA5 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min penggunaan jenis ayat praujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.**

**HA6 Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min penggunaan jenis ayat pascaujian antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.**

Berdasarkan penggunaan jenis ayat murid-murid kumpulan eksperimen (KE) dan murid-murid kumpulan kawalan (KK) dalam praujian dan pascaujian pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa sebelum penggunaan kaedah pengajaran menggunakan teks KOMSAS, boleh dikatakan kesemua murid menggunakan ayat penyata sahaja (rujuk Jadual 9). Sebaliknya penggunaan teks KOMSAS jelas menunjukkan penggunaan ayat yang pelbagai dalam penulisan karangan murid, iaitu ayat penyata 90.9% (KE); 95.0 % (KK) dan diikuti dengan jenis ayat tanya 5.1% (KE); 2.6% (KK), ayat perintah 2.8% (KE); 0.6% (KK) dan juga ayat seru 1.2% (KE); 1.8% (KK) (rujuk Jadual 10).

**Jadual 9: Penggunaan jenis ayat dalam praujian**

Jenis Ayat	Teks KOMSAS (KE)		Konvensional (KK)	
	N	%	N	%
Ayat penyata	632	100	619	96.6
Ayat tanya	0	0	0	0
Ayat perintah	0	0	1	0.2
Ayat seru	0	0	1	0.2
<b>Jumlah</b>	<b>632</b>	<b>100</b>	<b>621</b>	<b>100</b>

**Jadual 10: Penggunaan jenis ayat dalam pascaujian**

Jenis Ayat	Teks KOMSAS (KE)		Konvensional (KK)	
	N	%	N	%
Ayat penyata	663	90.9	633	95.0
Ayat tanya	37	5.1	17	2.6
Ayat perintah	20	2.8	4	0.6
Ayat seru	9	1.2	12	1.8
<b>Jumlah</b>	<b>729</b>	<b>100</b>	<b>663</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 11, didapati skor min penggunaan jenis ayat bagi murid KE ialah 19.12 (sp = 4.21), manakala skor min murid KK ialah 21.90 (sp = 4.48). Berdasarkan ujian-t terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara murid KE dengan murid KK dalam aspek penggunaan jenis ayat, iaitu  $t(31) = -2.233$ ,  $p < .05$ . Hal ini bermakna hipotesis 5 adalah benar dan diterima.

**Jadual 11: Perbandingan skor min penggunaan jenis ayat antara KE dengan KK dalam Praujian**

Kumpulan	Min	SP	Nilai t	dk	P
KE	19.12	4.21			
N = 32					
			-2.233	31	.033
KK	21.90	4.48			
N = 32					

\*\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

Manakala dalam pascaujian pula menunjukkan bahawa skor min murid KE ialah 22.8 (SP = 4.43), manakala skor min murid KK ialah 20.81 (SP = 4.05). Walau bagaimanapun, berdasarkan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan, iaitu  $t(31) = 1.986$ ,  $p > .05$ . Dapatan ini menunjukkan bahawa hipotesis 6, adalah tidak benar. Oleh itu, hipotesis 6 ini harus ditolak (rujuk Jadual 12).

**Jadual 12: Perbandingan min penggunaan jenis-jenis ayat antara KE dengan KK dalam pascaujian**

Kumpulan	Min	SP	Nilai t	dk	P
KE	22.8	4.43			
n = 32					
			1.986	31	.056
KK	20.81	4.05			
n = 32					

\*\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian boleh disimpulkan bahawa penggunaan teks KOMSAS, iaitu cerpen dalam pengajaran penulisan karangan jenis cereka akan memberi kesan yang positif kepada murid-murid khususnya dalam aspek prestasi karangan keseluruhan dan aspek pengembangan isi karangan. Selepas rawatan diberikan dalam tiga sesi pengajaran dan pembelajaran, min prestasi karangan keseluruhan murid kumpulan eksperimen yang diajar dengan menggunakan teks cerpen meningkat jauh lebih tinggi berbanding skor min prestasi murid kumpulan kawalan yang diajar menggunakan kaedah pengajaran

konvensional. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa prestasi karangan keseluruhan kumpulan murid yang diajar dengan kaedah menggunakan teks KOMSAS meningkat jauh lebih tinggi berbanding murid yang diajar dengan kaedah konvensional terutama dalam pascaujian. Hal ini bermakna murid-murid yang diajar dengan kaedah pengajaran menggunakan teks cerpen berupaya menghasilkan karangan yang lebih baik selepas mereka membuat latihan penulisan karangan dan mendapat pengalaman dalam pelbagai aktiviti yang telah dijalankan dalam proses rawatan.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Zamri (1997), menunjukkan bahawa penggunaan bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu telah memberi kesan yang baik pada aspek lisan dan aspek penulisan dalam kalangan murid tingkatan satu. Manakala dalam analisis dapatan kajian bagi aspek pengembangan isi karangan pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan pada praujian. Namun begitu, setelah kedua-dua kumpulan menjalani tiga sesi pengajaran dan pembelajaran, skor min prestasi kedua-dua kumpulan menunjukkan peningkatan. Dalam pascaujian, terdapat perbezaan min yang signifikan terhadap prestasi aspek pengembangan isi karangan antara murid kumpulan eksperimen dengan murid kumpulan kawalan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan bahan sastera seperti cerpen dalam pengajaran kemahiran menulis telah membantu meningkatkan kreativiti murid untuk menghasilkan isi karangan yang baik. Menurut Lancia (1997), peminjaman elemen-elemen daripada bahan sastera yang dibaca dan digunakan dalam pengajaran penulisan karangan tidak boleh dianggap sebagai plagiat kerana murid-murid menggunakan elemen-elemen berkenaan dengan maksud yang berbeza dengan menghasilkan ayat-ayat sendiri.

Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa penggunaan bahan sastera tidak mempunyai kesan yang jelas terhadap penguasaan aspek penggunaan pelbagai jenis ayat dalam penulisan karangan bagi kedua-dua kumpulan murid. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid masih lemah dalam penguasaan aspek sintaksis mereka. Murid-murid tingkatan empat masih lebih banyak menggunakan ayat penyata berbanding jenis ayat lain dalam penulisan karangan mereka. Keadaan ini menyebabkan karangan yang ditulis kurang mempunyai keragaman dalam jenis-jenis ayat yang digunakan. Masalah ini timbul kerana murid-murid hanya memaparkan pernyataan untuk memperihalkan suatu keadaan atau peristiwa. Kepelbagaian jenis ayat dalam penulisan karangan akan dikuasai jika murid rajin membaca bahan bacaan khususnya bahan yang berbentuk kreatif.

Rumusannya, penggunaan bahan sastera memang mempunyai peranan yang positif dalam meningkatkan prestasi penulisan karangan keseluruhan dan aspek pengembangan isi dalam kalangan murid. Tegasnya, penggunaan bahan sastera seperti cerpen itu sendiri telah membezakan corak penulisan antara murid kumpulan eksperimen berbanding murid kumpulan kawalan. Hal ini kerana penggunaan bahan sastera tersebut dapat mewujudkan satu garis panduan dan situasi berfikir secara berfokus untuk membantu murid menjana idea yang berkaitan dengan tajuk karangan yang diberi. Ini dapat memberi gambaran dan kesedaran kepada guru Bahasa Melayu

bahawa pengajaran dan pembelajaran KOMSAS bukanlah untuk mengajarkan sastera secara teras tetapi teks KOMSAS perlu digunakan sebagai medium untuk mencapai matlamat pendidikan Bahasa Melayu, iaitu ketrampilan Bahasa Melayu dalam bidang interpersonal, maklumat dan estetik. Oleh itu, penggunaan teks KOMSAS sebagai bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan menunjukkan guru perlu memberi penekanan pada penguasaan kemahiran berbahasa dan sistem bahasa, di samping menyampaikan ilmu sastera dengan kaedah atau pendekatan yang lebih menarik.

Oleh hal yang demikian, para guru juga perlu lebih prihatin dalam pemilihan bahan sastera yang sesuai dengan murid-murid dalam usaha menanamkan minat untuk terus membaca. Meningkatkan kemahiran membaca dan menghargai penulis akan memberi kesan yang amat mendalam. Dengan adanya motivasi yang tinggi dalam diri murid-murid secara tidak langsung akan menanamkan minat untuk berkarya. Ini akan memupuk minat yang diharapkan dan menghasilkan satu penulisan yang cukup cemerlang. Pihak sekolah sewajarnya memberi sokongan yang padu dalam usaha guru menyediakan bahan sastera untuk pembacaan murid-murid. Kejayaan murid-murid adalah kejayaan bersama dan perlu diterjemahkan umpama bulat air kerana pebetung, bulat manusia kerana muafakat.

### KESIMPULAN

Bahan sastera berjaya memberi impak terhadap pencapaian penulisan karangan murid-murid. Hal ini bermaksud fungsi teks cerpen perlu diberi perhatian serius kerana peranannya yang mampu membantu murid-murid menjana idea dan memotivasikan minda mereka dalam penulisan. Justeru, sewajarnya para guru mengambil inisiatif dan kreativiti untuk mempelbagaikan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk menarik minat dan menjana idea kreativiti murid. Penggunaan cerpen yang baik dan mempunyai pelbagai maklumat tentang sosiobudaya mampu merangsang minat murid dalam mencerna pemikiran dan diluahkan melalui penulisan yang kreatif. Ini bukan sahaja memberi kesan terhadap hasil penulisan malah dapat mencabar minda mereka untuk meningkatkan daya berfikir secara lebih kreatif dan kritis.

### RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman. (2001). Kajian pertautan ayat dalam penulisan karangan: Satu pengenalan. *Dewan Bahasa*, 44 (6), 671-685.
- Abdul Rasid Jamian dan Arbaie Sujud. (2001). *Integrasi media: Pengajaran bahasa dan sastera*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Awang Mohd Amin. (1987). *Kekerapan kesalahan bahasa peringkat kata (morfologi) Bahasa Melayu: Satu tinjauan khusus terhadap prestasi kemahiran bahasa tulisan pelajar-pelajar Melayu tingkatan 4 kesalahan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Awang Sariyan. (2001). *Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia: Pemenuhan satu idealism*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Awang Sariyan. (2003). Isu-isu asas penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa. *Dewan Bahasa*, 3 (4): 7-11.
- Lancia, J. (1997). Literacy borrowing the reflect of literature on children's writing. *The Reading Teacher*, 50 (6): 470-475.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Marohaini Yusof. (2001). Landasan pengajaran komponen sastera dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 1 (6): 20-26
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Nik Safiah Karim. (2002). Bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu". *Dewan Bahasa*, 2 (10): 34-39.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rozaiman Makmun. (2007). *BAHTERA: Bahan sastera dalam pengajaran bahasa*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Zamri Mahmood. (1997). Keberkesanan penggunaan bahan sastera terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan satu. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

**Maklumat lanjut, boleh hubungi:**

Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian  
Jab. Pendidikan Bahasa Dan Kemanusiaan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia.  
[arasid@educ.upm.edu.my](mailto:arasid@educ.upm.edu.my)